



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)

TARIKH: 23 Februari 2015 (ISNIN) BIL: 6 2014/2015

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.3	Pengerusi mohon AMD menganjurkan Kursus Pengurusan Pengajian Siswazah untuk pentadbir baharu dan sedia ada bagi melihat semula urusan pengajian siswazah. Menurut pengerusi lagi, perbelanjaan untuk kursus tersebut boleh dibuat bersama UTMLead. AMD juga disarankan untuk berbincang dengan TP SPS berhubung perkara ini.	AMD	AMD telah berbincang dengan pihak SRAD untuk mengadakan kursus Pengurusan Pengajian Siswazah yang akan diadakan pada April 2015 nanti. Pra Bengkel diantara AMD, SRAD. SPS, CICT dan UTMLead akan diadakan pada penghujung Mac 2015 nanti.
1.4	Berhubung penjenamaan semula Penyelaras Akademik Penyelidikan dan Kerja Kursus, pengerusi memohon agar urusetia mendapatkan terma rujukan (TOR) daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (A & A).	SPS	Hasil semakan dengan Pejabat Timbalan Naib Canselor (A&A), SPS diminta untuk merujuk kepada Unit Governan, Pejabat Pendaftar. SPS telah memohon terma rujukan tersebut daripada Unit Governan dan sedang dalam tindakan unit tersebut.
1.6	Pengerusi memaklumkan <i>fast track</i> akan dilaksanakan semula pada tahun ini dan QRIM akan memaklumkan perkara ini kepada MQA. Pelajar-pelajar yang terpilih akan didaftarkan dalam program sarjana terlebih dahulu dan diberi kod khas. Pelajar-pelajar ini kemudiannya akan ditukarkan ke program PhD pada pertengahan atau penghujung semester pertama dengan beberapa kaedah dan tiada syarat penerbitan. AMD kemudiannya akan mengeluarkan surat untuk conversion mereka ke MyPhd, ini bertujuan untuk membantu pelajar mendapatkan penajaan. Sehubungan itu, fakulti diminta mengenal pasti pelajar-	AMD & SRAD	AMD dan SRAD mengambil maklum berhubung dengan tugas dan tindakan masing-masing.

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	pelajar Sarjana Muda yang mendapat CGPA 3.75 ke atas dan menghantar nama pelajar ke SRAD.		
1.7	Pengerusi meminta fakulti membuat Buku Panduan Research Methodology mengikut bidang masing-masing pada tahun ini. Fakulti yang telah ada buku panduan tersebut diminta menghantarnya ke SPS untuk tujuan rujukan.	Fakulti	Dalam tindakan fakulti
1.8	Pengerusi membentangkan Jadual Kerja dan Proses Pelaksanaan Pemilihan Calon Anugerah Akademik Majlis Konvokesyen UTM Ke-54. Pelajar yang akan digraduankan dalam JKTS (Peperiksaan & Pengijazahan) pada 17 Mac 2015 dibenarkan memohon sebelum 22 Mac 2015. SPS akan membuat pemakluman kepada pelajar.	SPS	Pemakluman telah dibuat kepada pelajar, penyelia dan fakulti.
1.10	Pengerusi juga membentangkan Perangkaan Dan Analisis GOT Graduan Doktor Falsafah 2015. Bagi bulan Januari seramai 53 orang graduan telah GOT (MYRAII dan KPM) dan pada bulan Februari pula seramai 37 orang graduan telah GOT (MYRAII dan KPM). Fakulti diminta membentangkan statistik GOT mengikut fakulti dalam mesyuarat JAPSU yang akan datang.	Fakulti	Dalam tindakan fakulti.
7.1	SRAD membentangkan Laporan Bahagian Rekrutment & Pengambilan Mahasiswa (SRAD). Statistik pengambilan menunjukkan penurunan yang agak ketara. Sehubungan itu, Pengerusi mohon SRAD menyediakan data pengambilan daripada tahun 2000 sehingga sekarang.	SRAD	Pihak SRAD sedang mendapatkan data pengambilan tersebut daripada pihak CICT dan akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang.
7.3	Pengerusi memohon SRAD mengadakan mesyuarat dengan fakulti bagi membincangkan tentang pengambilan pelajar.	SRAD	Dalam tindakan SRAD

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
7.4	SRAD diminta menganjurkan Kursus Pengurusan Pengambilan untuk kerani dan juga pentadbir.	SRAD	Kursus Pengurusan Pengambilan kepada pihak Fakulti akan diadakan pada bulan April 2015 nanti.
7.5	Fakulti Pendidikan telah menghantar senarai pencalonan untuk Kursus Penyeliaan kepada Sekolah Pengajian Siswazah.	SPS	SPS telah mewujudkan <i>database</i> peserta Kursus Penyeliaan dan senarai peserta (<i>Graduate Faculty</i>) telah diemelkan kepada fakulti pada 9 Mac 2015 untuk semakan dan pengesahan.
10.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat pelajar UTM yang tidak dapat mendaftar semasa pendaftaran di Kuala Lumpur. Ini kerana pelajar tidak membawa surat Senat bersama seperti yang diminta di dalam surat tawaran. Menurut SRAD lagi, pendaftaran secara manual tidak dapat mengesan sama ada pelajar ada berhutang dengan UTM atau pun tidak. Sehubungan itu, SRAD diminta membekalkan fakulti senarai nama pelajar yang telah ditawarkan untuk fakulti mengambil tindakan lanjut.	SRAD	Selesai